



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 4.00 petang, 10 Julai 2025

Untuk Terbitan Media  
10 Julai 2025

## SIARAN MEDIA

### **PERKESO SALUR LEBIH RM30,000 FAEDAH KEPADA 10 PENJAJA KECIL DI BUKIT MERTAJAM MENERUSI SKSPS**

**BUKIT MERTAJAM:** Kebajikan penjaja kecil di Bukit Mertajam terus terpelihara apabila seramai 10 orang penjaja telah menerima pembayaran faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjumlah lebih RM30,000 pada tahun ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, penerima faedah tersebut adalah sebahagian daripada 2,181 penjaja yang ditaja carumannya pada tahun lepas, hasil inisiatif beliau membantu mereka mencarum dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Menurutnya, penerima bayaran faedah tertinggi adalah peniaga kecil dalam sektor pasar, S Vijayaletchime, 40, yang menerima faedah Hilang Upaya Sementara dan Hilang Upaya Kekal berjumlah RM13,354.29 secara keseluruhannya.

"Kebajikan, kelangsungan hidup dan masa depan keluarga penjaja-penjaja ini yang menerjah minda saya setiap kali terfikir keadaan mereka. Justeru, tajaan caruman ini diharap memberi kelegaan di hati mereka.

"Maka, saya teruskan hasrat penajaan SKSPS bagi tahun kedua dengan memperbaharui 1,976 caruman kepada penjaja, memandangkan 205 pencarum ditaja tahun lepas telah memperbaharui caruman mereka sendiri," katanya.

Tambah beliau, caruman ini bermula Julai 2025 dan ia sekali gus akan memberi perlindungan kepada semua penjaja selama tempoh 12 bulan daripada tarikh yang didaftarkan.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Bukit Mertajam itu menyuarakan harapan supaya tajaan SKSPS berkenaan akan membuka mata ribuan peniaga di Pulau Pinang dan Malaysia untuk terus mencarum, demi perlindungan kepada diri dan keluarga mereka.

"Sebagai contoh, hari ini saya ziarah ke tiga rumah Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang ditimpa kemalangan pekerjaan. Mereka merupakan antara peniaga yang ditaja pada tahun lalu.

"Berkat caruman itu, ketiga-tiganya layak menerima faedah dengan jumlah bayaran RM22,860.97 Bayangkan kalau mereka tiada caruman, siapa nak bantu mereka?" katanya.

Beliau berkata demikian selepas lawatan prihatin sinergi ke rumah pencarum PERKESO di Bukit Mertajam yang turut dihadiri Pengurus Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Untuk rekod, sehingga 31 Mei 2025, jumlah OBS aktif bagi caruman SKSPS di Malaysia dalam sektor penjaja adalah seramai 60,467 orang, dengan 4,632 individu daripadanya dari Pulau Pinang.

**##TAMAT##**

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**10 Julai 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-3273193**

**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

**[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)**